

Hargai pengetahuan tradisi

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intansuhanaomar
@gmail.com

JIKA menyebut tentang Orang Asli pasti ramai yang akan terbayangkan kehidupan masyarakat tersebut yang serba sederhana dan dikelilingi flora dan fauna di dalam hutan yang merupakan tempat tinggal tetap mereka.

Disebabkan itu, tidak dinafikan mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam mengenai selok belok hutan belantara serta manfaat-manfaat tumbuhan herba di dalamnya melalui pengetahuan tradisi daripada nenek moyang mereka.

Pengetahuan tradisi bermakna ilmu mengenai hutan dan manfaat khazanah-khazanah yang ada di dalamnya yang diturunkan secara mulut ke mulut daripada golongan tua kepada golongan muda secara turun-temurun dalam salasilah keturunan Orang Asli.

Justeru itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengambil inisiatif menjalankan Projek Pendokumentasian Pengetahuan Tradisi Tumbuhan Ubatan dan Beraroma dalam usaha mengekalkan serta memelihara ilmu pengetahuan tradisi yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Menurut Timbalan Ketua



DR. ISMAIL HARUN (kanan) bersama Razali Kulim (kiri) dan Dr. Norini Haron (dua dari kiri) pada majlis pelancaran produk Ka-Herbs dan buku *Legasi Waris Rimba* sempena Seminar Pemuliharaan dan Pemerksaan Pengetahuan Tradisi 2018 di FRIM Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengarah (Penyelidikan) FRIM, Dr. Ismail Harun, inisiatif ini berperanan untuk mengumpul dan mendokumentasikan pengetahuan tradisi secara sistematik.

Katanya, pengetahuan-pengetahuan tradisi yang diperoleh daripada kaum Orang Asli akan didokumentasikan dalam bentuk buku dan disimpan sebagai rujukan untuk generasi akan datang.

"Tujuan utamanya ialah supaya pengetahuan tradisi ini tidak hilang dibawa arus masa dan

dibiarkan begitu sahaja tanpa memanfaatkannya.

"Pengetahuan tradisi ini sangat penting untuk dikekalkan kerana boleh digunakan untuk menghasilkan sesuatu yang baharu seperti bahan-bahan makanan tambahan, hiasan dan pelbagai guna lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pemuliharaan dan Pemerksaan Pengetahuan Tradisi 2018 di FRIM, Kepong baru-baru ini.

Pada majlis itu juga FRIM telah melancarkan buku *Legasi Waris Rimba* dan satu prototaip produk, Ka-Herbs daripada subetnik Kensiu Kampung Lubok Legong, Baling, Kedah yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Selain itu, tambah Ismail, projek ini juga akan menjamin kelestarian tanaman herba yang terdapat di dalam hutan melalui usaha memupuk dan memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli mengenai

kepentingan menanam tanaman herba.

"Kita tidak hanya menggunakan pengetahuan tradisi ini untuk menghasilkan produk, tetapi juga menggalakkan mereka (Orang Asli) untuk menanam herba untuk kegunaan masa hadapan.

"Setelah itu, dengan sumber yang ada kita akan bantu mereka untuk menghasilkan produk dan seterusnya mengkomersialkannya bagi menjana pendapatan kepada mereka," ujarnya.


Pengetahuan tradisi ini sangat penting untuk dikekalkan kerana boleh digunakan untuk menghasilkan sesuatu yang baharu seperti bahan-bahan makanan tambahan, hiasan dan pelbagai guna lagi."

Melibatkan 23 komuniti subetnik Orang Asli.

Projek dimulakan sejak tahun 2007.

Telah menghasilkan tujuh produk daripada pengetahuan tradisi.

Mendapat dana dari MOSTI, Jakoa, UNDP dan NRE.



Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)

1/8/2018

MUKA SURAT

18

FRIM

MAKLUMAN

AKHBAR
TARIKH
JABATAN
KLASIFIKASI